

1223

Pendidikan Islam

November

2021

$2\frac{1}{2}$ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

PENDIDIKAN ISLAM

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Semua jawapan hendaklah diulis pada kertas jawapan yang disediakan.*

Jawah semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ الْمُؤْمِنَوْنَ ⑥ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِيعُونَ ⑦ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ
مُعْرِضُونَ ⑧ وَالَّذِينَ هُمْ لِلرَّكْوَةِ فَعَلُونَ ⑨ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ⑩ إِلَّا
عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتُ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ⑪

(Surah al-Mukminun: 1-6)

Ayat di atas menerangkan ciri-ciri mukmin yang berjaya.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud menjauhi perbuatan yang sia-sia? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua ciri mukmin yang berjaya selain menjauhi perbuatan yang sia-sia. [2 markah]
- (iii) Jelaskan dua akibat salah laku seksual. [2 markah]
- (iv) Terangkan dua pengajaran ayat. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَا يَخْتَطِبُ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَنِ ظَهِيرَةِ حَيْثُ
لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فِي عَطْيَةٍ أَوْ يَنْتَهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan amalan berdikari dalam kehidupan seorang muslim.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud berdikari. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua konsep berdikari. [2 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** kelebihan berdikari. [2 markah]

Berdikari dapat memupuk keyakinan diri

- (iv) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

- 2 (a) Al-Jabbar adalah salah satu daripada 99 nama Allah SWT yang mulia.

- (i) Apakah maksud Allah SWT al-Jabbar? [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan mengenai Allah SWT bersifat al-Jabbar. [2 markah]

- (b) Iman boleh terbatal melalui iktikad, perbuatan dan perkataan.

- (i) Apakah maksud iman terbatal melalui perbuatan? [2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman. [2 markah]

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa beliau memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah SWT (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”

- (iii) Berdasarkan maksud ayat di atas, berikan hujah anda mengapakah perbuatan tersebut merupakan kezaliman yang besar kepada individu yang terlibat. [4 markah]


- (c) (i) Nyatakan latar belakang golongan Muktazilah. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** prinsip utama aliran Muktazilah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]

- (iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]

Lihat halaman sebelah

SULIT

- 3 (a) Solat sunat dhuha ialah ibadat sunat yang sangat digalakkan dalam Islam.
- (i) Apakah maksud solat sunat dhuha? [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum menunaikan solat sunat dhuha. [1 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah menunaikan solat sunat dhuha. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** hukuman kesalahan jenayah dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukuman bagi kesalahan jenayah berikut:
- (a) Minum arak
(b) Mencuri
(c) Qazaf [3 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah hukuman jenayah dalam Islam. [4 markah]
- (iv)
- 
- Berdasarkan gambar di atas, mengapakah remaja sekarang mudah terjerumus dengan aktiviti minum arak. Huraikan pendapat anda. [4 markah]
- 4 (a) Kerajaan Khulafak Al-Rasyidin telah menggantikan pemerintahan Islam di Madinah setelah kewafatan Rasulullah SAW.
- (i) Apakah maksud Khulafak Al-Rasyidin? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Khulafa Ar-Rasyidin dibawah pemerintahan Umar al-Khatib. [2 markah]
- (iii) Saidina Ali memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang. Sebagai seorang murid, bincangkan tindakan yang perlu dilakukan untuk berjaya dalam pelajaran. [4 markah]

Lihat halaman sebelah

- (b) Kerajaan Umayyah diperintah oleh seramai 14 khalifah sepanjang pemerintahannya.
- Nyatakan **dua** orang khalifah kerajaan Umayyah yang terkenal. [2 markah]
 - Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek sosial. [2 markah]
 - Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah yang boleh diberikan sebagai pengajaran pada kita hari ini. [4 markah]
- (c) Ahmad bin Ibrahim lahir pada tahun 1916 Masihi dan meninggal pada tahun 1999 Masihi, telah mendapat gelaran Profesor Emeritus Tan Sri Doktor.
- Nyatakan **dua** hasil karya Ahmad bin Ibrahim yang terkenal dan menjadi rujukan terkini. [2 markah]
 - Nyatakan **dua** contoh ketinggian akhlak Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan maksud raja'. [2 markah]
- (ii) Jelaskan contoh sifat raja' yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** konsep khauf dan raja' yang seimbang. [4 markah]
- (b) Akhlak terpuji adalah akhlak yang dituntut oleh agama Islam terhadap semua pengikutnya yang dikenali sebagai sifat mahmudah, sebaliknya akhlak yang buruk dikenali sebagai sifat maznumah.
- Apakah maksud sifat maznumah. [2 markah]
 - Senaraikan **dua** sifat maznumah yang perlu dibindari mengikut pandangan Imam Ghazali. [2 markah]

- (iii) Terangkan **dua** cara meninggalkan sifat mazmumah. [4 markah]
- (iv) Daripada Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
“Hendaklah kamu menjauhi sifat hasad (dengki) sesungguhnya hasad (dengki) itu menghapuskan kebaikan seperti api membakar kayu api”.
(Hadis riwayat Abu Daud)
- Berdasarkan hadis di atas,uraikan hujah anda. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT